

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)www.ijlgc.com**PERLINDUNGAN TERHADAP MANGSA KEGANASAN
RUMAHTANGGA DALAM SITUASI PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP) MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-
UNDANG***PROTECTION AVAILABLE FOR VICTIMS OF DOMESTIC VIOLENCE DURING
MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) FROM THE LEGAL PERSPECTIVE*Nazli Mahdzir^{1*}, Aspaella A Rahman², Asmar Abdul Rahim³, Che Thalbi Md Ismail⁴¹ Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: mnazli@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: lella@uum.edu.my

³ Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: asmar@uum.edu.my

⁴ Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: chet1048@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 09.11.2020

Revised date: 15.11.2020

Accepted date: 10.12.2020

Published date: 10.03.2021

To cite this document:

Mahdzir, N., Rahman, A. A., Rahim, A. A., & Md Ismail, C. T. (2021). Perlindungan Terhadap Mangsa Keganasan Rumahtangga Dalam Situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Menurut Perspektif Undang-Undang. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (22), 179-188.

DOI: 10.35631/IJLGC.6220017.**Abstract:**

Masalah keganasan rumah tangga (KRT) di Malaysia masih belum dapat dibendung sepenuhnya. Peningkatan ketara kes KRT dapat dilihat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Fenomena ini amat membimbangkan memandangkan pandemik COVID19 belum berakhir dan potensi arahan PKP ke atas kawasan-kawasan yang mempunyai peningkatan kes COVID19 adalah tinggi. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan perlindungan yang diberikan kepada mangsa KRT di Malaysia oleh Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) (AKRT 1994). Dengan menggunakan pendekatan secara deskriptif dan kajian perpustakaan, peruntukan AKRT 1994 dianalisa secara kritikal. Dapatan kajian menunjukkan pindaan kepada AKRT 1994 pada tahun 2017 telah menambahbaik akta sedia ada. Antara yang utama adalah peluasan skop dan definisi KRT serta pengenalan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO). Kesannya, pada masa kini, bukan sahaja mangsa penderaan fizikal, malah mangsa penderaan emosi, psikologi dan kewangan juga layak dilindungi di bawah AKRT. Di samping itu, mangsa juga boleh mendapatkan perlindungan segera melalui EPO kerana ia tidak memerlukan kebenaran mahkamah yang biasanya akan memakan masa. Pindaan 2017 ini menjadikan AKRT lebih proaktif kerana ia telah mengambil kira pelbagai masalah yang dihadapi oleh mangsa KRT selama ini.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Walau bagaimanapun, untuk menjadikan AKRT ini efektif, mangsa perlu berani untuk tampil ke hadapan untuk mendapatkan perlindungan dan keadilan.

Kata Kunci:

PKP, Covid19, Keganasan Rumah tangga

Abstract:

The problem of domestic violence (DV) in Malaysia has not yet been completely curbed. A significant increase in DV cases can be seen during the period of the Movement Control Order (MCO). This phenomenon is of great concern as the COVID19 pandemic is not over and the potential for MCO directives on areas with an increase in COVID19 cases is high. This paper aims to discuss the protection afforded to DV victims in Malaysia by the Domestic Violence Act 1994 (Act 521) (AKRT 1994). Using a descriptive approach and library research, the provisions of AKRT 1994 are critically analyzed. The findings of the study show that the amendments to AKRT 1994 in 2017 have improved the existing act. Among the main improvements are the expansion of the scope and definition of KRT as well as the introduction of the Emergency Protection Order (EPO). As a result, at present, not only victims of physical abuse, victims of emotional, psychological, and financial abuse are also eligible for protection under AKRT. In addition, victims can also seek immediate protection through EPO as it does not require the court's permission which would normally be time-consuming. This 2017 amendment makes AKRT more proactive because it has taken into account the various problems faced by DV victims over the years. However, to make AKRT effective, victims need to have the courage to come forward to seek protection and justice.

Keywords:

MCO, Covid-19, Domestic Violence

Pengenalan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan di seluruh Malaysia mulai 18 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. PKP menghadkan pergerakan orang ramai di luar rumah dan memastikan semua premis kecuali perkhidmatan penting ditutup. Ini bertujuan untuk memastikan penjarakan sosial seterusnya mengekang penyebaran Coronavirus (COVID-19) di Malaysia. Bermula pada 18 Mac 2020, PKP kemudiannya dilanjutkan dengan PKP Bersyarat (PKPB) sebelum diganti dengan PKP Pemulihan (PKPP) yang sedang berlangsung sehingga 31 Disember 2020. Inisiatif ini dilihat berkesan kerana berdasarkan senarai dunia, setakat September 2020, Malaysia berada di tangga ke-94 negara yang mempunyai kes COVID19, berbanding tangga ke-17, sehari selepas PKP diumumkan (WHO, 2020). Namun, di sebalik kejayaan PKP, terdapat beberapa akibat yang memberi impak besar kepada masyarakat. Antara yang ketara adalah peningkatan kes keganasan rumah tangga (KRT) melibatkan wanita di seluruh dunia (Margolfo, 2020) termasuk Malaysia (Mukundan, 2020).

Dengan menggunakan pendekatan secara deskriptif dan kajian perpustakaan, kertas kerja ini membincangkan bentuk perlindungan fizikal kepada mangsa yang diperuntukkan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (AKRT 1994) kepada mangsa KRT terutama sekali semasa tempoh PKP. Perbincangan akan tertumpu kepada analisa AKRT 1994 dan pindaan-

pindaan berkaitan selepasnya pada tahun 2012 dan 2017. Turut disentuh dalam kertas kerja ini adalah analisa perkaitan antara PKP dan KRT di Malaysia.

COVID-19

COVID-19 adalah pandemik global yang disebabkan oleh virus Corona (Coronavirus), SARS-CoV-2, satu patogen pernafasan. Virus baru ini pertama kali dikenal pasti di Wuhan, Republik Rakyat China pada 31 Disember 2019 dan sekarang telah merebak ke seluruh dunia (WHO, 2020). Coronavirus adalah keluarga besar virus yang menyebabkan penyakit, daripada flu biasa hingga penyakit yang lebih parah. Coronavirus mula dikesan di Malaysia pada akhir Januari tahun 2020. Setelah angka kes COVID-19 mula meningkat, kerajaan Malaysia telah melaksanakan PKP.

Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia (PKP) dan Keganasan Rumah Tangga

PKP merujuk kepada tindakan pencegahan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dalam usaha untuk memutuskan penularan COVID-19 ini. Kawalan pergerakan ini juga berfungsi sebagai satu kaedah kuarantin di rumah dalam tempoh tertentu. Malaysia secara rasmi melaksanakan PKP pertama pada 18 Mac sehingga 31 Mac 2020. Tempoh ini kemudiannya telah dilanjutkan setelah mengambil kira jumlah kes di Malaysia masih meningkat. Fasa kedua PKP berlangsung pada 1 April hingga 14 April 2020, fasa ketiga berlangsung pada 15 April hingga 28 April 2020 manakala fasa keempat berlangsung pada 29 April - 12 Mei 2020. PKP kemudiannya didilonggarkan sedikit dengan pelaksanaan PKP Bersyarat (PKPB) yang berlangsung pada 13 Mei hingga 9 Jun 2020. Dalam fasa PKPB kelonggaran telah diberikan kepada sektor perkhidmatan apabila sektor ini telah dibenarkan beroperasi tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ketat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia serta amalan terbaik ditentukan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Aktiviti perjalanan rentas sempadan negeri, perniagaan, perindustrian, sukan, keagamaan atau apa-apa aktiviti yang membabitkan perhimpunan ramai dan sentuhan badan yang menyukarkan penjarakan sosial seperti bazar Ramadan dan karnival jualan masih tidak dibenarkan. Setelah kes COVID19 didapati dalam keadaan terkawal, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan PKP Pemulihan (PKPP) yang berlangsung pada 10 Jun hingga 31 Ogos 2020. Fasa ini telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020.

Sepanjang tempoh PKP ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) antara agensi yang memainkan peranan penting sebagai barisan hadapan dalam usaha memastikan masyarakat mematuhi arahan PKP. Pelanggaran PKP boleh didakwa mengikut Seksyen 3(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020. Manakala hukuman adalah mengikut Seksyen 7(1) akta yang sama yang memperuntukkan denda RM1,000 dan/atau sehingga enam bulan penjara. (Ahmad, 2020).

Berdasarkan data yang dikumpulkan dari Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Polis Diraja Malaysia dan NGO yang menangani kes-kes keganasan rumah tangga, bilangan kes KRT, meningkat secara mendadak semasa PKP (Abdul Manan, 2020). Dalam tempoh 44 hari pertama PKP, sebanyak 526 kertas siasatan dibuka oleh pihak polis. Kebanyakannya melibatkan kesalahan ugutan jenayah, mendatangkan cedera tanpa senjata, mendatangkan cedera parah dan khianat (Bahrin, 2019). Pengarah Eksekutif Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), V Sumitra berkata, pertanyaan mengenai keganasan rumah tangga menerusi talian perkhidmatan WAO turut menyaksikan peningkatan dari 1.4 kali ganda dalam bulan Mac ke

3.4 kali ganda pada bulan Mei (Abdul Manan, 2020). Kadar peningkatan kes KRT bukan hanya berlaku di Malaysia, malah seluruh dunia termasuk United Kingdom, Brazil dan Sepanyol, (Graham-Harrison, *et. al.*, 2020).

Memandangkan KRT merupakan masalah yang serius yang perlu ditangani dengan segera, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengklasifikasikan KRT terhadap wanita sebagai 'masalah kesihatan global' (WHO, 2013). Deklarasi Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 1993 mentakrifkan keganasan terhadap wanita sebagai:

‘apa-apa tindakan keganasan berdasarkan gender yang mengakibatkan, atau berkemungkinan mengakibatkan bahaya fizikal, seksual atau psikologi atau penderitaan terhadap wanita, termasuk ancaman tindakan sedemikian, pemaksaan atau perampasan kebebasan sewenang-wenangnya, sama ada berlaku di kehidupan awam atau peribadi’.

Berdasarkan takrif di atas, ‘keganasan’ boleh meliputi perbuatan atau cubaan untuk meletakkan mangsa dalam ketakutan, mencederakan secara fizikal, memaksa atau mengancam melakukan perbuatan seksual, mengurung atau menahan tanpa kerelaan dan perbuatan khianat atau merosakkan harta dengan niat menyebabkan kesedihan dan kegusaran (JKM, 2018). Justeru itu, KRT terhadap wanita adalah sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa yang digunakan sama ada oleh suami kepada isteri atau pasangan melalui keganasan, ancaman keganasan atau mengawal ekonomi serta kehidupan sosial (Ayob & Abdul Rauf, 2019). Malaysia telah menggubal AKRT sejak 1994 dalam usaha membendung jenayah ini. Namun begitu, jenayah ini masih gagal dibendung akibat daripada kelemahan undang-undang, ketidakberkesanan penguatkuasaan, ketakutan mangsa, persepsi budaya dan pelbagai lagi faktor lain (A. Rahman *et.al*, 2020).

Walaupun KRT boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa, usia, orientasi seksual, agama, jantina, latar belakang dan tahap pendidikan (Buang, 2017), masalah ini sering dilihat sebagai isu gender di mana wanita lebih cenderung menjadi mangsa KRT berbanding lelaki (Abdul Rahim, *et. al.* 2018) terutama sekali semasa PKP. Dalam situasi PKP ini, pergerakan mangsa untuk menyalurkan aduan dan mendapatkan bantuan segera agak terbatas disebabkan masalah-masalah berikut:

Mangsa Terperangkap Di Dalam Rumah Bersama Pendera

Mangsa KRT menghadapi risiko lebih besar semasa PKP berbanding dari hari-hari biasa. Mereka terperangkap di rumah sepanjang hari dengan pendera. Pendera yang juga tidak boleh keluar dari rumah mempunyai kecenderungan untuk bertindak ganas kepada mangsa atas faktor kebosanan dan juga peluang terbuka. Disebabkan situasi COVID19 dan PKP, peluang mangsa untuk mendapatkan bantuan dari orang luar sangat terbatas, kerana pelaku mungkin mengawasi setiap tindakan mereka. Terdapat kes dilaporkan di mana mangsa meminta pertolongan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kerana dipukul oleh suaminya dan mangsa tidak dapat melarikan diri kerana suaminya berada di rumah sepanjang masa (Bahrin, 2019).

Kekurangan “First Responders”

First Responders seperti pegawai polis, pegawai kesejahteraan sosial, dan operator hotline krisis berfungsi sebagai penghubung penting bagi mangsa KRT untuk mendapatkan

perlindungan undang-undang dan sokongan. Mereka sering menjadi faktor penentu utama sama ada mangsa kekal dalam situasi KRT atau dapat membebaskan diri dari situasi itu. Namun, sumber daya manusia yang sangat penting ini masih tidak mencukupi di Malaysia. Sebagai contoh, pada bulan Disember 2019, dilaporkan bahawa Malaysia mempunyai nisbah satu pekerja sosial untuk setiap 8,756 rakyat. Satu jumlah yang jauh di belakang nisbah beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura dan Australia (Mukundan, 2020). Masalah ini diburukkan lagi dengan situasi PKP di mana *First Responders* ini kebanyakannya disalurkan untuk tugas berkaitan COVID19 sama ada di hospital, pusat kuarantin, pusat krisis dan di tempat tumpuan orang ramai. Bantuan segera lambat disalurkan kepada mangsa kerana kekangan sumber daya manusia.

Kekeliruan berkenaan Standard Operating Procedure (SOP) siasatan semasa PKP

Menurut WOA berlaku sedikit kekeliruan di kalangan *First Responders* dalam memberi respon untuk kes KRT semasa PKP mula dilaksanakan (Abdul Manan, 2002). Ini berikutan ketiadaan SOP yang jelas berkaitan siasatan kes, pemohonan perintah perlindungan dari mahkamah dan pengoperasian rumah perlindungan sepanjang tempoh PKP. Permohonan perintah perlindungan seperti Perintah Perlindungan Sementara dan Perintah Perlindungan juga tidak dapat dilakukan kerana Mahkamah ditutup. Ini mendatangkan kesukaran kepada mangsa kerana mereka akan terdedah kepada pendera tanpa ada perintah mahkamah bagi menghalang pendera dari meneruskan keganasan terhadap mereka. Pada masa yang sama terdapat juga masalah kekurangan peruntukan kewangan yang dialami oleh NGO dan rumah perlindungan akibat kekurangan bantuan luar, kekurangan rumah perlindungan yang beroperasi sepanjang PKP dan kekurangan sumber daya manusia untuk membantu di pusat bantuan dan rumah perlindungan akibat PKP memburukkan lagi situasi mangsa KRT yang memerlukan bantuan segera.

Kebergantungan Mangsa Kepada Pendera Secara Kewangan

Selain itu, mangsa yang tidak dapat bekerja semasa PKP menjadi lebih bergantung kepada pendera dari segi kewangan. Mangsa yang telah berjaya membebaskan diri dari situasi KRT dan berada di rumah perlindungan atau rumah sendiri juga menghadapi masalah kewangan. Menurut WAO, di antara 20 mangsa KRT yang pernah tinggal di rumah perlindungan WAO, 30 peratus tidak dapat bekerja kerana PKP, 25 peratus masih mencari pekerjaan, sementara 5 peratus lagi gaji mereka dikurangkan (Arumugam, 2020).

Perlindungan yang Layak diperolehi oleh Mangsa Keganasan Rumah Tangga

AKRT diluluskan oleh Parlimen pada 19 Mei 1994, diwartakan sebagai undang-undang pada 7 Julai 1994 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 1996. AKRT terpakai ke atas semua orang dalam Malaysia termasuklah bagi yang beragama Islam dan bukan Islam. Akta ini dipinda pada tahun 2012 dan sekali lagi pada tahun 2017. Pindaan ini memberikan perlindungan bagi situasi KRT dan perkara-perkara yang berkaitan dengan KRT. Antaranya adalah dengan mengiktiraf KRT sebagai *sizeable offences* (Mahdzir, *et.al.*, 2016) serta memberi perintah perlindungan kecemasan dan sokongan kepada mangsa.

Peluasan Definisi Dan Skop AKRT 2017

Definisi KRT di bawah AKRT 1994 merangkumi kecederaan fizikal seperti mengancam untuk mencederakan, menyebabkan kecederaan fizikal, melakukan seks secara paksa, mengurung mangsa dan menyebabkan kerosakan harta benda. Manakala pindaan 2012 telah memasukkan aspek-aspek penderaan psikologi dan emosi. Walau bagaimanapun, definisi tersebut masih

belum cukup luas untuk merangkumi pelbagai bentuk penderaan yang biasa dialami oleh mangsa. Menyedari kelompondan dalam definisi ini, pindaan pada AKRT 1994 pada tahun 2017 telah memasukkan aspek kesalahan berkaitan kewangan, keselamatan dan aib mangsa serta pihak ketiga. Skop KRT selepas pindaan 2017 telah diperluaskan bukan hanya melindungi mangsa, bahkan turut merangkumi keluarga yang mengalami penderaan fizikal, seksual, emosi, kewangan, harga diri mangsa dan pihak ketiga (A. Rahman, 2020). Namun begitu masih terdapat kelompondan yang boleh ditambah baik oleh AKRT 1994, di mana ia tidak memperuntukkan perbuatan menghendap menghendap (*stalking*) hingga menyebabkan ketakutan kepada mangsa sebagai salah satu daripada perbuatan yang boleh dianggap sebagai KRT. Ini berkemungkinan disebabkan oleh perlakuan menghendap tidak dianggap sebagai perbuatan jenayah di bawah Kanun Acara Jenayah (1976). Penggubal undang-undang negara ini perlu melihat kelompondan ini dengan serius kerana perlakuan menghendap hingga menyebabkan ketakutan kepada mangsa sering berlaku dewasa ini terutama sekali dengan perkembangan penggunaan media sosial.

Perintah Perlindungan Kecemasan / Emergency Protection order (EPO)

Perlindungan yang paling penting kepada mangsa KRT dalam situasi PKP adalah EPO. Seksyen 3A telah dimasukkan ke AKRT 1994 pada tahun 2017. Seksyen ini membolehkan mangsa KRT yang dikasari secara fizikal memohon perintah EPO dari pegawai kebajikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Seksyen 3A AKRT 1994 membolehkan EPO berfungsi sebagai tindak balas pantas bagi melindungi mangsa kerana ia boleh dikeluarkan dalam masa 2 jam selepas aduan, walaupun laporan polis terhadap pendera masih belum dibuat. Ia juga boleh dipohon sama ada Perintah Perlindungan Interim (IPO) atau Perintah Perlindungan (PO) telah dibuat atau tidak. Walaupun begitu, seksyen 3A(8) AKRT 1994 memberi limitasi kepada EPO di mana ia hanya sah dan dapat dikuatkuasakan selama tujuh hari selepas tarikh ia dikeluarkan dan salinannya diserahkan kepada pendera mengikut prosedur yang ditetapkan dalam seksyen 3B AKRT 1994 dan terhadap kepada mangsa yang mengalami kekerasan fizikal atau ancaman kekerasan fizikal. Namun begitu, ia masih penting kepada mangsa memandangkan ia bukan sahaja dapat menghalang pendera dari meneruskan kekerasan terhadap mangsa, malah ia boleh menghalang pendera dari menghasut orang lain untuk melakukan kekerasan terhadap mangsa dan menghalang pendera dari masuk ke kediaman yang dihuni oleh mangsa pada ketika itu.

Dalam situasi PKP tidak dapat dinafikan semua pergerakan di luar rumah adalah terhad selain perkhidmatan polis dan mahkamah juga turut terjejas. Peranan EPO dalam situasi PKP adalah sangat membantu. Mangsa atau wakilnya hanya perlu membuat permohonan daripada mana-mana pegawai kebajikan JKM yang mempunyai kuasa mengeluarkan perintah EPO dengan mengisi Borang 1, *Domestic Violence (Prescribed Forms) Regulations 2018* dan menyertakan salinan kad pengenalan. Aduan awal boleh dibuat sama ada dengan menghubungi Talian Kasih di talian 15999 yang dibuka 24 jam atau menerusi aplikasi *WhatsApp* di nombor 019-2615999 (Ismail, 2020). Menyedari kesulitan mangsa KRT ketika PKP, Talian Kasih dan aplikasi *WhatsApp* dilihat satu alternatif yang sangat membantu dalam membantu memberi perlindungan kepada mangsa semasa PKP kerana JKM akan mengambil tindakan segera melalui berdasarkan aduan yang diterima (Ismail, 2020).

Perintah Perlindungan Interim / Interim Protection Order (IPO)

Mangsa KRT juga layak memohon IPO di bawah seksyen 4 AKRT 1994. IPO adalah perintah interim yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret menghalang pendera dari meneruskan

kekerasan terhadap mangsa dan perintah-perintah lain yang bersesuaian. Perintah ini berkuatkuasa sepanjang tempoh polis membuat siasatan kes sehinggalah siasatan tamat dan kes itu didakwa di mahkamah atau digugurkan (WOA, NA). Untuk memohon IPO, Mangsa perlu membuat laporan polis dan memaklumkan pihak polis bahawa beliau ingin mendapatkan IPO. Pihak polis kemudiannya akan mengeluarkan surat rujukan polis dan merujuk kes ini ke JKM. Pegawai JKM akan membantu mangsa untuk memohon IPO. Seksyen 12 (A) AKRT 1994 membenarkan permohonan IPO dilakukan oleh peguam mangsa, pegawai kebajikan atau keluarga mangsa sekiranya mangsa tidak berupaya untuk membuat permohonan sendiri. Manakala seksyen 4 (1) AKRT 1994 memberi kuasa kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah perlindungan interim bagi menghalang pendera daripada menggunakan keganasan terhadap mangsa sepanjang tempoh siasatan berjalan. Mahkamah juga boleh mengarahkan agar mangsa diberi hak untuk tinggal di kediaman bersama tanpa gangguan pendera, melarang pendera dari pergi ke tempat kerja mangsa, mengarahkan pendera untuk berada sekurang-kurangnya 50 meter dari mangsa, melarang pendera dari menghubungi mangsa tanpa kehadiran polis atau pegawai kebajikan dan mengarahkan penderaan membenarkan mangsa menggunakan kenderaan yang sebelumnya digunakan oleh mangsa.

Perintah ini dilakukan *ex-parte* (sebelah pihak) tanpa memerlukan kehadiran pendera ke mahkamah. Secara amnya IPO tidak mempunyai had masa. Ia akan tergunapakai selagi siasatan kes masih berlangsung dan berakhir secara automatik apabila siasatan berakhir dan pendera didakwa di mahkamah. Akibatnya, dalam situasi mangsa yang tidak dimaklumkan atau tidak tahu berkenaan status siasatan, beliau akan mengalami masalah untuk memastikan sama ada IPO masih berkuatkuasa (Mohammed Na'im, *et. al.*, 2019). Keadaan ini mewujudkan kekeliruan kepada mangsa dan kadang-kala memberi ruang kepada pendera untuk meneruskan keganasan terhadap mangsa sebaik sahaja IPO berakhir. Keadaan semakin sukar jika mangsa tidak memohon PO kerana tidak mengetahui bahawa IPO telah tamat. Berikutan dengan masalah ini, pindaan kepada seksyen 4(4) AKRT 1994 pada tahun 2017 telah memasukkan secara terperinci bahawa IPO akan berakhir dalam situasi berikut:

1. Mangsa telah dimaklumkan secara bertulis bahawa siasatan kes telah selesai dan tiada tindakan selanjutnya yang diambil terhadap pendera;
2. Setelah bermulanya pendakwaan terhadap pendera dan mangsa telah mangsa dimaklumkan secara bertulis bahawa pendakwaan terhadap pendera akan bermula dan mangsa tidak memohon PO dalam tempoh 7 hari selepas dimaklumkan; dan
3. Semasa penentuan permohonan PO yang dipohon oleh mangsa dalam masa 7 hari selepas dimaklumkan secara bertulis bahawa pendakwaan terhadap pendera akan bermula.

Pindaan ini telah meletakkan tanggungjawab yang besar kepada pegawai penyiasat kes untuk memaklumkan secara bertulis kepada mangsa berkenaan status siasatan dan status permohonan IPO dan PO. Sehubungan dengan itu, pindaan 2017 kepada seksyen 19(2) AKRT telah memasukkan para (c) dan (d) yang mewajibkan pegawai penyiasat untuk memaklumkan status siasatan dan status permohonan kepada mangsa. Namun begitu, pindaan ini tidak menyatakan bahawa pemakluman perlu dibuat secara bertulis. Ini dilihat sebagai salah satu perkara yang perlu diperbaiki memandangkan seksyen 19(2) AKRT mempunyai perkaitan rapat dengan seksyen 4(4) yang menyatakan pemakluman kepada mangsa perlulah dibuat secara bertulis.

Perintah Perlindungan / Protection Order (PO)

Seksyen 5 AKRT 1994 membenarkan mahkamah untuk memberi PO kepada mangsa KRT. PO secara amnya adalah larangan mahkamah kepada pendera atau mana-mana pihak daripada menggunakan kekerasan terhadap mangsa sepanjang dakwaan terhadap pendera didengar di mahkamah. Larangan ini boleh juga disekalikan dengan perintah-perintah lain dalam seksyen 6 AKRT 1994, contohnya perintah agar mangsa diberikan hak eksklusif untuk tinggal di rumah dan menggunakan kenderaan tanpa gangguan pendera, perintah agar pendera tidak menghampiri mangsa, rumah atau tempat kerja mangsa, perintah bagi menghadkan komunikasi antara pendera dan mangsa dan apa-apa perintah yang bersesuaian bagi melaksanakan PO. Seksyen 6(1A) AKRT 1994 menetapkan bahawa PO berkuatkuasa selama 12 bulan selepas ia dikeluarkan dan boleh dilanjutkan melalui seksyen 6(1)(b) AKRT 1994 selama 12 bulan lagi sekiranya perlu 1994. Permohonan PO boleh dilakukan dengan membawa bersama surat sokongan dari JKM, surat pengesahan dari polis menyatakan bawa kes terhadap pendera telah difailkan di mahkamah dan salinan kad pengenalan mangsa.

Selanjutnya, pindaan 2017 kepada AKRT 1994 telah memberikan lebih perincian berkenaan permohonan PO. Jika sebelum ini, tidak dinyatakan dengan khusus siapa yang boleh memohon PO, seksyen 13A yang dimasukkan oleh pindaan 2017 telah membolehkan PO dipohon sama ada secara sendiri oleh mangsa atau peguamnya atau dipohon bagi pihak mangsa oleh pegawai kebajikan atau polis. Permohonan PO ini boleh dibuat sebelum atau semasa pendera dibicarakan. Mangsa yang telah dimaklumkan secara bertulis oleh polis bahawa siasatan terhadap pendera telah tamat dan pendakwaan akan difailkan terhadap pendera perlu memohon PO dalam masa 7 hari selepas dimaklumkan. Sekiranya mangsa gagal berbuat demikian, mangsa tidak lagi dilindungi memandangkan IPO telah tamat dan PO tidak dipohon. Namun begitu, mangsa masih lagi boleh melindungi dirinya dengan memohon PO sebaik sahaja kes terhadap pendera berlangsung (A. Rahman, 2020).

Selain daripada memastikan pendera tidak melakukan kekerasan atau intimidasi terhadap mangsa dengan memerintahkan agar pendera tidak boleh menghampiri mangsa, PO juga mampu memberikan keselesaan dan ketenangan kepada mangsa dengan memastikan mangsa boleh tinggal di kediaman bersama (*marital home*) tanpa kehadiran pendera. Hak kediaman eksklusif ini boleh dikeluarkan walaupun rumah tersebut dimiliki atau disewa sepenuhnya oleh pendera. Perkara ini sangat penting kerana ia akan menghalang pendera daripada meneruskan kekerasan, mempengaruhi emosi dan menanamkan ketakutan di fikiran mangsa (Mohammed Na'im, *et. al.*, 2019) terutama sekali dalam situasi PKP di mana kedua-dua pihak tidak boleh meninggalkan rumah.

AKRT memperuntukkan hukuman terhadap pendera. Seksyen 3E (1) dan seksyen 8(1) AKRT 1994 memperuntukkan denda antara sehingga RM2,000.00 atau penjara hingga 6 bulan atau kedua-duanya bagi pelanggaran EPO. Manakala seksyen 3E (2) dan seksyen 8(2) AKRT 1994 membolehkan pendera dikenakan denda hingga RM4,000.00 atau penjara sehingga 1 tahun atau kedua-duanya jika pendera melakukan tindakan keganasan dengan melanggar EPO, IPO atau PO. Pendera yang melanggar EPO, IPO, atau PO lebih dari sekali, boleh dipenjarakan tidak kurang dari 72 jam dan tidak lebih dari 2 tahun serta didenda hingga RM5,000.00 seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 3E (3) dan seksyen 8(3) AKRT 1994.

Dalam situasi PKP ketika ini, ternyata pengenalan EPO oleh pindaan 2017 dilihat jauh lebih praktikal berbanding IPO dan PO apabila mangsa boleh dapat diberi perlindungan segera dalam

tempoh dua jam selepas membuat aduan. Memandangkan perintah ini boleh dikeluarkan oleh pegawai kebajikan JKM, mangsa juga tidak perlu ke balai polis dan mahkamah. IPO dan PO dilihat lebih efektif dalam tempoh PKPB, PKPP dan situasi biasa dimana pergerakan mangsa tidak dibataskan oleh kawalan pergerakan, siasatan polis dapat dijalankan dengan lancar dan mahkamah beroperasi seperti biasa.

Kesimpulan

Pendemic COVID19 telah mengubah lanskap dan norma kehidupan masyarakat seluruh dunia. Dalam mengekang wabak ini, pelaksanaan PKP merupakan satu usaha kerajaan dalam memutuskan rantaian virus. Lantaran pergerakan yang terbatas dalam tempoh PKP, mangsa KRT terutamanya wanita menerima turut menerima implikasi yang serius apabila pendera berada di dalam rumah sepanjang masa. Mangsa juga terhalang dari mendapatkan bantuan atau perlindungan dalam tempoh ini meskipun undang-undang telah menyediakan perlindungan yang bersesuaian. Namun begitu, undang-undang yang ketat dan komprehensif tetap tidak dapat menghapuskan jenayah KRT secara total sekiranya pengetahuan masyarakat tentang undang-undang dan perlindungan yang ada tidak dipertingkatkan. Masyarakat juga perlu mengubah persepsi yang mengatakan KRT adalah masalah rumah tangga dan tidak perlu campur tangan orang luar. Pada masa yang sama mangsa sendiri perlu membuang rasa malu dan berani untuk tampil ke hadapan untuk mendapatkan pembelaan sewajarnya.

Rujukan

- Ahmad, A. (2020). "Perintah Kawalan Pergerakan digazet, hukuman 6 bulan penjara, tambahan sektor penting," *Astro Awani*, diterbitkan pada 18 Mac 2020, diakses pada 25 Oktober 2020 dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/perintah-kawalan-pergerakan-digazet-hukuman-6-bulan-penjara-tambahan-sektor-penting-234108>
- A. Rahman, A. et.al. (2020), "Perkembangan Terkini Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga di Malaysia", *International Seminar on Regional Politics, Administration and Development*, Universiti Utara Malaysia, 14 Oktober 2020
- Abdul Manan, N.F (2020), "Laporan Keganasan Rumah Tangga Meningkat", *Sinar Harian*, diterbitkan pada 11 Jun 2020, diakses pada 20 Oktober 2020 dari <https://www.sinarharian.com.my/article/87263/BERITA/Nasional/Laporan-keganasan-rumah-tangga-meningkat>
- Abdul Rahim, A. et. al. (2018), "The Protections Against Domestic Violence Survivors Under the Penal Code in Malaysia", *The European Proceeding of Social and Behavioral Science*, vol 52, pp 321-328
- Arumugam, T. (2020), "MCO-linked Domestic Violence Rises", *New Straits Times*, 4 April 2020
- Ayob, N. & Abdul Rauf, S.H. (2019), "Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Keganasan Rumah Tangga: Kajian Rintis", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(7), pp 62-67
- Bahrin, M.F., (2020), "Kisah Duka dan Derita Isteri di Sebalik Tabir PKP", *Bernama*, diterbitkan pada 20 Mei 2020, diakses pada 20 Oktober 2020 dari https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1843404
- Buang, S. (2017), Better Protection for Domestic Violence Victim, *News Straits Time*, diterbitkan pada 2 Mei 2017, diakses pada 18 October 2020 dari <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2017/05/235716/better-protectiondomestic-violence-victims>.

- Graham-Harrison, E. *et al.* (2020), "Lockdowns Around The World Bring Rise In Domestic Violence", *The Guardians*, diterbitkan pada 28 Mac 2020, diakses pada 20 Oktober 2020, <https://www.theguardian.com/society/2020/mar/28/lockdowns-world-rise-domestic-violence>
- Ismail, M. H. (2020). "Talian Khas Untuk Mangsa Keganasan Rumah Tangga Sepanjang PKP", *Sinar Harian*, diterbitkan pada 12 April 2020, diakses pada 24 Oktober 2020 dari <https://www.sinarharian.com.my/article/78573/KHAS/Koronavirus/Talian-khas-untuk-mangsa-keganasan-rumah-tangga-sepanjang-PKP>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2018), Soalan Lazim Kes Keganasan Rumah Tangga, diterbitkan pada 12 Jun 2018, diakses pada 30 September 2020 dari <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=bDRIZ0ZpLzd21>
- Mahdzir, N. *et al.* (2016), "Domestic Violence Court: A New Model to Combat Domestic Violence Against Women in Malaysia", *UUM Journal of Legal Studies*, v. 7, p. 95-105
- Margolfo, K. (2020), "COVID-19 Pandemic Leads to Rise in Domestic Violence", *News 8*, diterbitkan pada 30 September 2020, diakses pada 25 Oktober dari <https://www.wtnh.com/domesticviolence-awareness/covid-19-leads-to-rise-in-domestic-violence/>
- Mohamed Na'aim, M.S. *et.al.* (2019), "Female Victims of Domestic Violence and Their Rights to Compensation in Malaysia", *Journal of Nusantara Studies*, vol 4 (1) pp 384 - 400.
- Mohamed Na'aim, M.S. *et.al.* (2019), "Domestic Violence Against Women: Legal Protection Under the Domestic Violence Act 1994", *The European Proceeding of Social and Behavioural Science*, vol 70, pp 71 - 80.
- Mukundan, S.R (2020), "Domestic Violence amid COVID-19 in Malaysia: Diving Deeper into the Heart of the Matter", *UNDP in Malaysia*, diterbitkan pada 9 September 2020, diakses pada 30 September 2020 dari <https://www.my.undp.org/content/malaysia/en/home/blog/2020/domestic-violence-amid-covid-19-in-malaysia--diving-deeper-into-.html>
- United Nation General Assembly (1993), Declaration on the Elimination of Violence against Women, diterbitkan pada 20 Disember 1993, diakses on 30 September 2020 dari https://www.un.org/en/genocideprevention/documents/atrocities-crimes/Doc.21_declaration%20elimination%20vaw.pdf
- Womens Aid Organization (NA), Laws on Domestic Violence, diakses pada 20 Oktober 2020 dari <https://wao.org.my/laws-on-domestic-violence/>
- World Health Organization (2013), Violence Against Women: A Global Health Problem Of Epidemic Proportions, diterbitkan pada 20 Jun 2013, diakses pada 30 September 2020 dari https://www.who.int/mediacentre/news/releases/2013/violence_against_women_2013_0620/en/
- World Health Organization (2020), WHO Coronavirus Disease (COVID-19) Dashboard, diterbitkan pada 29 September 2020, diakses pada 30 Sept 2020 dari <https://covid19.who.int/table>
- World Health Organization (2020), Coronavirus Disease (COVID-19) Q&A, diterbitkan pada 15 April 2020, diakses pada 30 September 2020 dari <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/question-and-answers-hub/q-a-detail/coronavirus-disease-covid-19>